

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HGG 451 Perancangan Pembangunan Wilayah

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan.

1. Setelah beberapa tahun diabaikan, kebelakangan ini sektor firma kecil di negara-negara maju menjadi fokus kajian dan sasaran polisi kerajaan.
 - (a) Dengan merujuk kepada kes United Kingdom huraikan mengapa ini berlaku?
(12.5 markah)
 - (b) Apakah implikasi perkembangan terbaharu ini kepada pembangunan wilayah?
(12.5 markah)
2. Berdasarkan contoh-contoh tertentu daripada sama ada negara membangun atau negara maju, bincangkan sejauhmana perbezaan pertumbuhan antara wilayah dapat dijelaskan oleh teori asas eksport.
(25 markah)
3. Pengalaman masa lampau, serta ketidakseimbangan wilayah yang berterusan dan kadangkala meningkat telah membuktikan ketidaksesuaian dan ketidakupayaan polisi wilayah tradisional untuk mengatasi masalah yang bersifat struktural. Bincangkan pernyataan ini dalam konteks pembangunan wilayah di Malaysia.
(25 markah)
4. Semenjak tahun tujuh puluhan kerajaan Malaysia telah melaksanakan, meskipun pada tahap kesungguhan dan keghairahan yang berbeza-beza, polisi penyelerakan industri bertujuan untuk mengurangkan jurang ketidakseimbangan dalam tahap kemajuan sosio-ekonomi dan pembangunan ruangan di Malaysia. Sejauh manakah usaha ini telah berjaya, dan sokongkan hujah-hujah anda dengan data yang sesuai?
(25 markah)

5. Dalam tahun-tahun enam puluhan dan tujuh puluhan pembukaan tanah-tanah baru dan pembangunan tanah-tanah "in situ" merupakan tunggak pembangunan wilayah di Malaysia. Pada pendapat anda apakah peranan sektor pertanian dalam strategi pembangunan wilayah di Malaysia di masa-masa akan datang?

(25 markah)

6. (a) Jelaskan peranan pembangunan estet perindustrian dalam strategi pembangunan wilayah di Malaysia.

(10 markah)

- (b) Sejauh manakah estet-estet perindustrian di lokasi-lokasi desa berjaya menambahkan peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk desa?

(15 markah)

-ooo000ooo-